

**SENARAI DOKUMEN YANG DIPERLUKAN UNTUK PENDAFTARAN
(KES MAL / PERMOHONAN / TUNTUTAN KEBENARAN BERNIKAH
PEREMPUAN YANG BERCERAI TANPA IDDAH/JANDA BERNIKAH)
(KOD KES: 112)**

PENDAFTARAN DI MAHKAMAH TINGGI SYARIAH:

(Seksyen 14(3) [Akta 303])

Setiap **PLIDING** hendaklah **BERTAIP** dan disediakan sebanyak **2 SALINAN** termasuklah dokumen seperti butiran di bawah.

BIL	DOKUMEN YANG DIPERLUKAN	BIL. SALINAN	SEMAKAN PELANGGAN	SEMAKAN MAHKAMAH
1.	Saman (Borang MS2) dan Pernyataan Tuntutan	2		
2.	Salinan Kad Pengenalan / MyPR / MyKAS / Passport (Pemohon). <i>Nota: Pemohon berstatus bukan warganegara pemegang Passport hendaklah mengemukakan salinan Visa yang terkini dan Surat Akuan Pengesahan Pemastautinan Tempat Tinggal daripada Imam Kariah/Pegawai Masjid.</i>	2		
3.	Surat Akuan Pengesahan Pemastautinan Tempat Tinggal daripada Imam Kariah/Pegawai Masjid. <i>Nota: Sekiranya alamat tempat tinggal Pemohon di Kad Pengenalan/dokumen pengenalan diri beralamat di luar kawasan/bidangkuasa Wilayah Persekutuan, dokumen di atas perlu dikemukakan.</i> <i>Rujukan: Arahan Amalan Mahkamah Syariah No. 8 Tahun 2019.</i>	2		
4.	Surat Pengesahan Tempat Tinggal oleh Majikan (Plaintif). Nota: Bagi Anggota Polis.	2		
5.	Surat Pengesahan Tempat Tinggal oleh Majikan DAN Laporan KAGAT (Plaintif). Nota: Bagi Anggota Tentera/Pasangan. Rujukan: Arahan Amalan Mahkamah Syariah No. 1 Tahun 2017	2		
6.	Salinan Surat Perakuan Cerai	2		
7.	Salinan Borang Permohonan Berkahwin Pemohon dan Bakal Isteri/Suami. (<i>Borang JAWI</i>)	2		
8.	Borang Pendaftaran. (Salinan Asal sahaja)	1		

PANDUAN:

1. Sila sediakan pliding dan dokumen-dokumen di atas dengan lengkap dan jelas sebelum pendaftaran.
2. Penyediaan pliding hendaklah dalam Bahasa Melayu sahaja dan sekiranya pihak-pihak atau salah satu pihak tidak boleh menguasai Bahasa Melayu, pliding/apa-apa dokumen hendaklah diterjemahkan ke dalam bahasa lain mengikut penguasaan pihak tersebut (dwibahasa). (*Rujukan S. 232 [Akta 585 dan (Arahan Amalan Mahkamah Syariah No. 8 Tahun 2023)]*)
3. Borang Pendaftaran hendaklah diisi dengan lengkap, kemas, jelas dan mudah untuk dibaca.
4. Setiap salinan pliding dan dokumen hendaklah disediakan dengan menggunakan kertas putih bersaiz putih A4, tulisan jenis Arial, bersaiz 12 dan berjarak baris 1.15.
5. Setiap pernyataan dalam affidavit yang perlu kepada pembuktian dokumen hendaklah dilampirkan dokumen tersebut sebagai Pengenalpastian Ekshibit secara berasingan (tidak dibenarkan secara kolektif). (*Rujukan : Seksyen 71 dan Seksyen 114 [Akta 585]*).
6. Permohonan hendaklah didaftarkan oleh **Pemohon/Pegum Syariyenya** yang telah berwakalah sahaja.
7. Pendaftaran tidak akan diproses **SEKIRANYA GAGAL** mengemukakan dokumen-dokumen di atas dengan lengkap. (*Rujukan : Seksyen 208 (c) dibaca bersama Seksyen 71 dan Seksyen 114 [Akta 585]*).
8. Dokumen-dokumen **ASAL** hendaklah dibawa bersama semasa **pendaftaran** dan **sebutan/bicara** di hadapan Hakim/Pendaftar.
9. Kos penyediaan pliding, dokumen dan pendaftaran hendaklah ditanggung oleh **Pemohon** atau **Pegum Syariyenya**.

RUJUKAN :

[Akta 303] :

Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984

[Akta 505] :

Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993

[Akta 585] :

Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998

[Arahan Amalan Mahkamah Syariah]

Pegawai Bertugas :

(Pendaftar)

Tarikh :